



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**KETUA PASUKAN (D.1-2 EB.3)
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA PASUKAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Keupujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat pengawasan serta mengetuai satu pasukan kakitangan Tukang Pancut semasa membuat penyemburan racun serangga;
2. Bertanggungjawab dalam memastikan kehadiran dan disiplin Tukang Pancut adalah memuaskan dari semasa ke semasa;
3. Membuat keputusan yang perlu dan munasabah apabila kakitangan di bawah pengawasan menghadapi masalah yang berkaitan dengan tugas harian atau pertukaran tempat bertugas dan sebagainya;
4. Sentiasa memastikan kakitangan Tukang Pancut memakai peralatan keselamatan *Personal Protective Equipment (PPE)* sebelum membuat pengasapan racun serangga;



5. Membuat permohonan kerja lebih masa dan *time sheet* dari sebulan ke sebulan;
6. Memastikan peralatan kelengkapan kerja harian dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan dari semasa ke semasa;
7. Memangku tugas-tugas Pembantu Kesihatan sekiranya pemegangnya bercuti atau menjalani kursus;
8. Menyediakan dan menghadapkan kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan pejabat;
9. Pembantu dalam melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan pejabat;
10. Sentiasa bersedia untuk bertugas di luar daerah pada bila-bila masa diperlukan dan di luar waktu bekerja; dan
11. Sentiasa menjaga disiplin dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pekerja-pekerja bawahan.